

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian Kebudayaan Kebendaan di Sabah

Kajian mengenai kebudayaan kebendaan adalah kajian mengenai peralatan yang dibuat dan digunakan oleh sesuatu kumpulan masyarakat. Peralatan itu mungkin digunakan sekarang atau sejak dahulu lagi.

Kajian dan hasil-hasil tulisan mengenai kebudayaan kebendaan di Sabah masih di peringkat yang baru dan lebih bersifat sebagai perintis. Kajian mengenai kebudayaan kebendaan di Sabah mula dilakukan pada awal tahun 1960an. Antara kajian awal yang dilakukan adalah kajian yang dilakukan oleh John Alman mengenai 'Bajau Pottery' (1960), 'Bajau Saddle Making' (1960), 'Bajau Weaving' (1960, 'Dusun Pottery-Tuaran Area' (1960). Kajian-kajian ini adalah dalam bentuk artikel yang telah dimuatkan dalam Journal Muzium Sarawak. Pada tahun 1963, Alman telah menerbitkan bukunya yang berjudul Handcraft In Sabah yang beliau tulis bersama-sama dengan Elizabeth. Buku ini memuatkan kebanyakan artikel-artikel beliau sebelum itu.

Alman (1964) sekali lagi menerbitkan sebuah artikel mengenai rumah panjang kaum Rungus Dusun di Daerah Kudat. Edward M. Frame (1976) pula telah menerbitkan kajiannya mengenai alat-alat muzik tradisional di Sabah dalam artikelnya yang bertajuk "Major Musical Forms in Sabah". Sementara itu Skertchly B.J. Sydney (1891) telah menerbitkan artikelnya yang bertajuk "On Some Borneo Traps" iaitu satu kajian mengenai jenis-jenis perangkap di Borneo.

Sementara itu terdapat juga kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan khususnya untuk latihan ilmiah. Aminah Hj. Musally (1986) seorang penuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia misalnya ada melakukan kajian tentang seni anyaman masyarakat Murut di Sabah di dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "Anyaman Masyarakat Murut Khas di Kawasan Sapulut, Tulid dan Ansip".

Walau bagaimanapun dapatlah diberi kesimpulan bahawa kajian mengenai kebudayaan kebendaan di Sabah adalah masih sedikit lagi. John Alman bolehlah dikatakan sebagai pengkaji yang paling banyak menjalankan kajian tentang kebudayaan kebendaan di Sabah. Kajian beliau sebenarnya banyak berasaskan kepada kraftangan tradisional di Sabah. Bukunya yang bertajuk Handcraft In Sabah telah berjaya memberikan penjelasan yang agak menyeluruh mengenai kraftangan di Sabah yang juga merupakan sebahagian dari kebudayaan kebendaan yang dipancarkan dari kehidupan harian berbagai kaum di Sabah.

Sebagai kajian-kajian yang masih di peringkat merintis, adalah satu kenyataan bahawa kajian-kajian kebudayaan kebendaan di Sabah masih terikat dengan berbagai kelemahan dan kekurangan. Kajian Alman mengenai tenunan Bajau (Bajau Weaving, 1960) misalnya hanya menyentuh secara diskriptif mengenai proses teknikal dalam menenun dan kurang menyentuh tentang unsur-unsur simbolisma dan sejarah perkembangan seni tersebut.

Pada pendapat pengkaji, kajian-kajian khususnya di kalangan masyarakat tempatan haruslah lebih banyak dijalankan untuk melengkapkan lagi pendokumentasian unsur-unsur kebudayaan tempatan.

1.2 Tujuan Dan Skop Kajian

Istilah "Sigah"¹ dalam kajian ini adalah membawa makna sehelai kain yang digunakan untuk diikat di kepala. Ia juga dikenali sebagai kain dasar dan tengkolok bagi kaum Melayu. Istilah "Sigah" adalah diambil dari perkataan Kadazan Dusun di Sabah.

Kajian ini akan cuba memberikan satu penyelidikan yang menyeluruh dan spesifik tentang manifestasi sigah itu sendiri serta nilai-nilai tersembunyi yang disampaikan dalam pembikinan Sigah. Permasalahan yang akan dikemukakan oleh pengkaji akan merangkumi aspek-aspek seperti asal-usul sigah, teknologi pembuatan sigah, corak yang terdapat pada sigah, sigah dan potensi ekonomi dalam masyarakat masa kini serta bahagian yang tidak kurang pentingnya iaitu sigah dan hubungannya dengan masyarakat.

Untuk bahagian asal-usul sigah; kajian akan dilakukan ke atas sejarah kedatangan dan perkembangan sigah di Malaysia khususnya di Sabah. Tinjauan ini akan melihat Asia Tenggara sebagai satu kesatuan yang sama-sama mempunyai unsur kebudayaan yang sama misalnya Negara Filipina dan Indonesia. Tumpuan khusus akan diberikan kepada sejarah perkembangan sigah di Sabah iaitu sigah buatan kaum Irranun² dan kaum Suluk Binadan.³

¹Pengkaji menggunakan istilah tempatan ini untuk mencerminkan kajian ini berlatarbelakangkan Sabah. Untuk penggunaan seterusnya istilah tempatan ini tidak akan digariskan.

²Kaum Irranun dan latarbelakangnya akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2.

³Suluk Binadan akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2.

Oleh kerana kajian ditumpukan kepada dua kaum ini maka terdapat limitasi kajian iaitu hanya melibatkan kaum Irranun di Kg. Rampaian Laut Kota Belud dan kaum Suluk Binadan di Kg. Landong Ayang Laut Kudat.

Bahagian teknologi pembuatan sigah pula akan meninjau proses pembuatan sigah secara tradisional. Terserapnya teknik-teknik moden dalam teknologi pembuatan juga akan disentuh. Kajian akan dimulakan dengan mengkaji asal-usul benang sebagai bahan mentah, proses mewarnakan benang serta bagaimana benang digunakan dalam sigah. Ini akan diikuti dengan meninjau dua jenis teknologi pembuatan sigah yang berbeza iaitu sigah sulaman dan sigah tenunan. Pengkaji juga memasukkan cara-cara memakai sigah sebagai sebahagian dari teknologi dalam sigah dan tumpuan⁴ akan diberikan kepada pemakaian sigah kaum Rungus.

Kajian mengenai corak dan motif⁵ akan meninjau perkara seperti sumber ilham rekaan corak dan motif dan asal-usul sesuatu motif yang dipamerkan. Kajian akan menyentuh mengenai unsur-unsur simbolisma dalam corak dan motif. Pengkaji juga akan cuba memberikan klasifikasi corak dan motif dalam sigah.

Bahagian sigah dan potensi ekonomi akan melihat tentang kedudukan sigah sebagai sumber ekonomi pada masa ini dan beberapa cadangan pengkaji untuk memelihara kebudayaan ini dalam konteks dunia ekonomi masa kini. Ini juga akan dikaitkan dengan pertumbuhan industri pelancongan di negara ini.

⁴ Pengkaji memberi tumpuan kepada Kaum Rungus kerana kaum Rungus memang terkenal dengan pemakaian sigah dan lebih mudah bagi pengkaji membuat kajian. Walaupun kaum-kaum lain tidak disentuh tetapi sebenarnya ada banyak persamaan fungsi di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

⁵ Corak dan motif adalah berbeza. Corak ialah bentuk susunan motif dan motif ialah rekabentuk-rekabentuk yang membentuk corak.

Bahagian sigah dan masyarakat pula akan memberikan perhatian terhadap peranan sigah dalam masyarakat seperti dalam kepercayaan, penghormatan, pengiktirafan serta bagaimana fungsi sigah sebagai pakaian harian. Perkara yang tidak kurang menariknya ialah pengkaji akan memberikan tumpuan khas untuk melihat bagaimana sigah telah menjadi isu yang hangat dalam Pilihanraya Umum 1990. Bahagian sigah dan politik Malaysia ini memberikan tumpuan kepada sigah dan perkembangan politik Sabah dan isu sigah dalam Pilihanraya Umum 1990 yang pengkaji sifatkan sebagai penipuan dalam penipuan. Pengkaji juga akan menyelitkan bagaimana kuasa disalahgunakan yang membabitkan isu sigah tersebut serta kenapa berlakunya penguatkuasaan undang-undang yang selektif di negara ini dalam beberapa perkara.

Isu-isu di atas akan dikuatkan dengan sesi temuramah dan akan dirumuskan dengan satu kesimpulan tentang betapa pentingnya mengkaji kebudayaan kebendaan.

1.3 Masalah Semasa Menjalankan Kajian

Oleh kerana kajian ini bersifat menyeluruh, maka masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah sumber bahan kajian adalah tersebar di seluruh negeri Sabah. Masalah masa dan kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi untuk memenuhi kehendak tajuk sepenuhnya. Masalah ini dapat diringankan apabila secara kebetulan pihak Muzium Negeri Sabah telah mengadakan pameran tenunan dan pewarnaan benang tradisional sempena Sabah Fest 1991 selama satu minggu yang bermula pada 19 Mei hingga 26 Mei 1991. Kesempatan ini telah digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan sesi temuramah dan pemerhatian terhadap cara-cara menenun kain sigah kaum Irranun.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mencari bahan-bahan yang benar-benar berkaitan dengan sigah. Pihak Muzium Negeri Sabah mengesahkan bahawa kajian ini merupakan kajian yang pertama tentang sigah di Sabah. Walau bagaimanapun dengan kerja sama pihak muzium negeri, pengkaji telah diberikan kebenaran untuk melakukan kajian ke atas bahan-bahan berkaitan yang dimiliki oleh muzium negeri. Sementara itu pihak muzium negeri juga sedang mengumpul bahan yang sama, maka pengkaji telah mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan pihak muzium mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan.

Kurangnya bahan bercetak mengenai subjek yang dikaji menyebabkan pengkaji banyak bergantung kepada sumber pertama iaitu melalui temuramah dan pemerhatian. Perlu juga ditekankan bahawa sigah tenunan memanglah mempunyai kaitan yang rapat dengan seni menenun tetapi sigah sebenarnya adalah satu kumpulan seni tenunan yang mempunyai identiti sendiri dari segi corak dan fungsinya.

Masalah jarak juga menghadkan pergerakan pengkaji untuk mengadakan tinjauan umum terhadap kaum-kaum yang terlibat dengan pemakaian sigah. Perlu dijelaskan bahawa pameran di muzium sebelum ini hanya mengundang pembuat atau penenun sahaja. Perlu diingat bahawa tidak semua yang membuat memakai sigah dan tidak semua yang memakai sigah membuat sigah mereka sendiri. Kaum Rungus dan Kadazan Papar misalnya tidak membuat sigah mereka sendiri.

Masalah ini telah dapat dikurangkan apabila pada 30 dan 31 Mei 1991 telah diadakan Pesta Menuai Peringkat Negeri Sabah yang telah dilangsungkan di Hongkod Koisaan⁶ Kadazan Dusun Cultural Association


⁶Hongkod Koisaan (K/D) bermakna 'Pusat Perpaduan'.

(KDCA)⁷ di Penampang, Kota Kinabalu. Pesta ini telah dihadiri oleh kumpulan-kumpulan kebudayaan dari berbagai kaum dari seluruh negeri Sabah. Pengkaji telah mengambil kesempatan untuk mengadakan sesi temuramah dan fotografi dengan kumpulan-kumpulan kebudayaan yang didapati memakai sigah dalam persembahan kebudayaan yang mereka jalankan. Perlu disebutkan bahawa penutup kepala kaum Murut tidak dikategorikan sebagai sigah kerana ia adalah berbentuk penutup kepala yang diperbuat daripada kain dan dihiasi dengan manik dan bulu burung. Pendeknya ia bukanlah sehelai kain seperti mana sehelai kain sigah.

Sambutan yang diberikan oleh kumpulan-kumpulan kebudayaan amat menggalakkan semasa pengkaji menjalankan sesi temuramah dan fotografi dengan mereka. Pengkaji telah diminta untuk datang sendiri ke Lahad Datu (kira-kira 600 km dari Kota Kinabalu) untuk menemuramah secara terperinci Kaum Dusun Begahak⁸ yang juga didapati memakai sigah. Sekali lagi masalah masa dan kewangan menjadi halangan pengkaji. Kurangnya bahan bercetak mengenai subjek yang dikaji menyebabkan pengkaji banyak bergantung kepada sumber-sumber asal. Ini menyebabkan kajian pengkaji sekali lagi boleh disifatkan sebagai merintis dan memang terikat dengan banyak kelemahan.

⁷ Kadazan Dusun Cultural Association adalah satu badan kebudayaan yang dianggotai oleh lebih 40 suku Kadazan Dusun di seluruh Sabah. Ia mula diasaskan pada tahun 1963.

⁸ Amat sedikit (atau tiada) bahan bertulis mengenai latarbelakang Kaum Dusun Begahak di Lahad Datu. Oleh itu pengkaji kurang pasti mengenai latarbelakang kaum ini.



Peta 1

Taburan Bahasa Tempatan di Sabah

Sumber: Muzium Sabah, 1991

